



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 2 2023



ISI KANDUNGAN



- BERBUKA PUASA DI DATARAN PUTRAJAYA 3
- MINGGU INFAQ PUTRAJAYA SARAT AKTIVITI KEROHANIAN 4
- 10,000 PEK BUBUR LAMBUK UNTUK KOMUNITI PUTRAJAYA 5
- PERBADANAN PUTRAJAYA JALIN KERJASAMA DENGAN FAVORIOT 6
- FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2023 TARIK 600,000 PENGUNJUNG 7
- LRC @ TAMAN BOTANI TARIKAN BAHARU DI PUTRAJAYA 8
- WETLAND STUDIOS PUTRAJAYA KINI DIBUKA 9
- PERDANA MENTERI SERAH KUNCI PPAM MADANI DALUR 10
- TAMAN RIMBA ALAM TAWAR LOKASI MENARIK UNTUK PENCINTA ALAM 11
- PUTRAJAYA LAKE & WETLAND EXPLORACE TEROKAI EKOSISTEM WETLAND 12
- PPJ TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR DAVAO CITY, FILIPINA 13
- PPJ ANJUR PUTRAJAYA TRAVEL FAIR 2023 DI ANGSANA JB 15

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



Facebook/putrajaya



Twitter@putrajayacorp



Youtube/perbadananputrajaya



Instagram/perbadananputrajaya

Berbuka Puasa Di Dataran Putrajaya



Kawasan padang atau sekitar dataran turut menjadi lokasi popular buat orang ramai untuk berbuka puasa bersama keluarga dan juga sahabat handai terutama pada hujung minggu. Antara lokasi yang menjadi tumpuan pengunjung untuk berbuka puasa ialah Padang Dataran Putrajaya, Presint 3 yang terletak berhadapan dengan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj).

Padang Dataran Putrajaya yang terletak berhadapan dengan Istana Kehakiman dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin ini menjadi tumpuan warga Putrajaya untuk berbuka puasa kerana terdapat pelbagai pilihan tempat untuk membeli makanan baik di restoran mahupun di bazar Ramadan.

Selain berbuka beramai-ramai, pengunjung juga boleh menikmati keindahan pemandangan sekitar Putrajaya pada waktu malam yang sungguh menarik. Orang ramai juga boleh berkunjung ke Anjung Syawal yang diadakan bersebelahan lokasi tersebut bagi mendapatkan keperluan serta kelengkapan bagi sambutan Aidilfitri.

Pelbagai aktiviti kerohanian turut diadakan bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadan 1444H ini seperti Program Minggu Infaq Putrajaya 2023 dengan berkonsepkan Tazkirah Muzikal yang menampilkan beberapa selebriti hijrah dan pendakwah untuk menghiburkan para pengunjung.



Minggu Infaq Putrajaya Sarat Aktiviti Kerohanian



Bulan Ramadan membuka ruang kepada setiap umat Islam untuk melakukan amal kebajikan bagi mendapatkan ganjaran istimewa melebihi bulan lain dan antara amalan yang digalakkan adalah bersedekah.

Untuk menggalakkan orang ramai menderma bagi menambah pahala dalam bulan Ramadan, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan Program Minggu Infaq Putrajaya bermula 24 Mac hingga 14 April 2023 bertempat di Padang Dataran Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan PPj, Mohd Ali bin Jusoh, program kemasyarakatan yang bermula dari pukul 5 petang sehingga 9 malam adalah bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan di sekitar Putrajaya. Sumbangan berbentuk wang tunai dan barangan keperluan asas seperti beras, minyak, gula dan lain-lain diharap dapat mengurangkan beban tanggungan keluarga, membina keupayaan bagi meningkatkan pendapatan seterusnya mensejahterakan kehidupan warganya dalam menyambut perayaan Aidilfitri.

Selain beramal sambil menderma, program yang bermula sejak 2018 ini juga bagi mempromosikan kewujudan sudut infaq di surau-surau Putrajaya kepada komuniti. Melalui program ini, sudut infaq di Gerobok Rezeki Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan sembilan buah surau terpilih di Putrajaya dapat dipenuhi

dengan stok barangan asas untuk didermakan kepada golongan asnaf.

PPj bantu kumpul dan tambah stok-stok barang untuk disalurkan ke sudut infaq tersebut. Sejak lima tahun lalu, ia mendapat sambutan bukan sahaja dalam kalangan individu persendirian bahkan pihak syarikat dan badan korporat juga turut menderma. PPj mensasarkan jumlah sasaran sebanyak RM10,000 melalui tabung-tabung disediakan selain sumbangan yang diterima daripada syarikat-syarikat di Putrajaya.

Program Minggu Infaq pada tahun ini berbeza dari tahun sebelumnya kerana pengunjung turut diserikan dengan Tazkirah Muzikal daripada selebriti hijrah dan penceramah sebelum berbuka puasa di pentas Festival Ramadan Putrajaya (FRP) 2023. Tazkirah Muzikal ini bertujuan bagi mempromosi Minggu Infaq selain menerapkan nilai-nilai kerohanian dalam diri melibatkan komuniti Putrajaya yang hadir ke Festival Ramadan Putrajaya untuk berbuka puasa.

Program ini dijalankan selama enam hari iaitu pada 24, 25, 26 Mac dan 7, 8, 9 April yang menampilkan penceramah seperti Ustazah Datuk Dr Norhafizah Musa, Ijam Medicine, PU Amin dan lain-lain. Pelbagai pengisian turut disusun bagi meraikan pengunjung yang berkunjung ke Laman Iftar serta FRP2023.

10,000 Pek Bubur Lambuk Untuk Komuniti Putrajaya



Sempena sambutan bulan Ramadan 1444 Hijrah, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan Program Bubur Lambuk Wilayah Persekutuan 2023 pada 8 April 2023 bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan PPj, Mohd Ali Jusoh, sebanyak 10,000 pek bubur lambuk diedarkan pihaknya kepada komuniti setempat dan surau yang terdapat di sekitar Putrajaya.

Program yang merupakan sebahagian daripada acara di bawah kalendar Program Bulan Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 2023 ini adalah bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung. Selain itu juga, ia dilaksanakan untuk mengeratkan ukhuwah di antara warga PPj bersama komuniti Putrajaya.

Program dengan kerjasama komuniti Putrajaya ini diadakan secara bergotong-royong bermula pada pukul 9 pagi dengan melibatkan seramai 380 orang peserta.

Peserta yang terlibat menerusi program ini adalah terdiri daripada 30 Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya, KRISPutra PPj; PUSPANITA PPj; Kelab Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj; Persatuan Warga Emas Putrajaya (PERWEP); Pusat Aktiviti Warga Emas Putrajaya (PAWE); Kelab Anak Muda Perdana serta warga PPj.

Aktiviti memasak diketuai oleh Roslan Ab Rahman selaku Ketua Chef yang juga merupakan pemenang Pertandingan Memasak Bubur Lambuk 2023 Kategori Hotel Dan Restoran anjuran Menara Kuala Lumpur. Turut hadir memeriahkan program ini adalah Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Seri Rosida Jaafar dan Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud.

Dengan kerjasama semua pihak, sebanyak 20 buah periuk bubur lambuk berjaya dimasak yang mana dapat menghasilkan 10,000 pek juadah untuk diedarkan kepada orang ramai. Diharap melalui sumbangan ini dapat mengeratkan lagi ukhuwah yang terjalin antara komuniti dan penduduk sekitar Putrajaya.

PERBADANAN PUTRAJAYA JALIN KERJASAMA DENGAN FAVORIOT, GUNA PAKAI PLATFORM IOT BANDAR PINTAR BAGI MEWUJUDKAN PENYELESAIAN BANDAR PINTAR YANG BAHARU DAN INOVATIF



Perbadanan Putrajaya (PPj) mengadakan kolaborasi dengan Favoriot Sdn. Bhd. di dalam penyediaan platform IoT Bandar Pintar. Ini adalah bagi meningkatkan dan mewujudkan penyelesaian Bandar Pintar baharu dan inovatif seperti yang telah dinyatakan di dalam Pelan Tindakan Bandar Pintar Putrajaya.

Platform Favoriot merupakan sebuah projek perintis yang dibiayai oleh National Technology Innovation Sandbox (NTIS) di bawah kategori Single Site Innovation Sandbox. Perjanjian yang ditandatangani pada 9 Disember 2022 di antara PPj dan Favoriot Sdn. Bhd. adalah bagi mengesahkan kerjasama di antara kedua belah pihak berkaitan penggunaan Platform Favoriot sebagai platform IoT Bandar Pintar. Platform ini bertujuan untuk mengumpul dan menyelaraskan data daripada pelbagai jenis sensor sedia ada di Putrajaya.

Platform Favoriot adalah perisian IoT sistem terbuka yang boleh menerima data daripada pelbagai jenis penderia IoT yang dihasilkan oleh pelbagai vendor. Ini membolehkan Perbadanan Putrajaya mengintegrasikan penyelesaian IoT yang berbeza ke dalam satu papan pemuka berpusat yang dipaparkan di Pusat Pemantauan dan Kawalan Putrajaya (Putrajaya Command Centre).

Pada masa kini di mana pelbagai penyelesaian IoT boleh ditawarkan oleh pelbagai pihak, ia boleh menjadi cabaran untuk mengurus pelbagai format data dengan pelbagai papan pemuka untuk dipantau. Oleh itu, platform Favoriot membolehkan

penyelarasan penderia IoT daripada pelbagai vendor yang mematuhi protokol standard untuk dipaparkan dan diuruskan secara berpusat di Putrajaya Command Centre.

PPj menerusi Pelan Tindakan Bandar Pintar sedang mewujudkan sebuah bandar yang menggunakan peranti IoT yang saling berhubung di antara satu sama lain melalui infrastruktur IoT di Putrajaya. PPj juga sedang mengembangkan pembangunan dan penggunaan IoT di Putrajaya termasuk di dalam pemantauan infrastuktur dan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, PPj sangat menghargai inisiatif pihak kerajaan melalui National Technology Innovation Sandbox (NTIS), di mana ia memberikan PPj satu penyelesaian baharu yang inovatif bagi membantu menguruskan bandaraya dengan lebih baik .

PPj menyasarkan Putrajaya menjadi model contoh kepada bandar-bandar lain dalam menggunakan pendekatan “inovasi dan percubaan-sebelum-komersial” melalui makmal hidup (live lab). Makmal hidup ini turut menyediakan tempat yang sesuai untuk bandar lain memahami bagaimana Bandar Pintar benar-benar beroperasi.

Projek Sandbox ini juga membantu memberikan input kepada Garis Panduan Piawaian Bandar Pintar Negara. Sebagai langkah ke hadapan, Favoriot dan Perbadanan Putrajaya juga akan dapat menyediakan latihan IoT di Putrajaya untuk menggalakkan pertumbuhan bakat IoT tempatan.

Projek Sandbox ini dilaksanakan menggunakan Model Build-Operate-Transfer, di mana Perbadanan Putrajaya akan mengendalikan dan menguruskan Platform IoT Bandar Pintar. Projek ini telah pun mencapai kejayaan penting yang mana beberapa penyelesaian IoT sedia ada di Putrajaya telah diselaraskan dan kini dikendalikan di Putrajaya Command Centre.

Festival Ramadan Putrajaya 2023

Tarik 600,000 Pengunjung



Festival Ramadan Putrajaya 2023 (FRP 2023) bukan sahaja mencatatkan sejarah sebagai festival Ramadan terbesar, malah berjaya menarik hampir 600,000 pengunjung sejak berlangsung 22 Mac 2023.

Penganjur yang juga Pengarah Ingenious Creative Lab (M) Sdn Bhd, Shahrul Musa berkata, yang membanggakan, jumlah pengunjung dicatatkan pada pertengahan Ramadan walaupun pihaknya menetapkan sasaran 500,000 pengunjung selama sebulan festival tersebut berlangsung.

FRP 2023 terus mendapat sambutan yang menggalakkan terutamanya pada Jumaat, Sabtu dan Ahad sejak bermula apabila pengunjung yang datang bukan sahaja dari kawasan sekitar malah dari luar Putrajaya.

Pengunjung tidak putus-putus datang dari pelbagai kawasan lebih-lebih lagi di saat akhir bagi mendapatkan semua kelengkapan Hari Raya apatah lagi ia membabitkan empat komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal, Kiblat Walk dan Laman Iftar dengan lokasi terbabit adalah di Dataran Putrajaya Presint 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya dan lima lokasi bazar Ramadan Putrajaya.

Sementara itu, seramai 20 anak yatim dari Rumah Bakti Nur Ain Bangi diraikan di mana FRP 2023 bekerjasama bersama dua vendor, Zareth Zehra dan Elrah bagi menyumbang baju Melayu dan baju kurung selain memberi duit raya kepada anak-anak itu dalam memberi keceriaan kepada mereka menyambut Aidilfitri nanti.

FRP 2023 turut melanjutkan operasinya sehingga 5 pagi untuk 10 hari terakhir Ramadan

sehingga menjelang malam Hari Raya Aidilfitri. Waktu operasi baharu ini bagi memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan kelengkapan hari raya pada saat-saat akhir.

Sebelum ini waktu festival dibuka mulai jam 12 tengahari hingga 12 tengah malam di mana lanjutan operasi tersebut memberi peluang kepada 250 vendor FRP 2023 menawarkan harga diskaun dan berpatutan kepada pengunjung. Menjelang tiga hari terakhir Ramadan juga, vendor yang mengambil bahagian turut menawarkan diskaun sehingga 50 peratus menerusi promosi 'happy hour'.

FRP ini dianjurkan dengan tujuan menjadikan Putrajaya sebagai pusat sehenti menjual juadah berbuka puasa dan barangan keperluan hari raya bagi menyemarakkan semangat Ramadan. Turut dimeriahkan seramai 48 usahawan dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta 14 usahawan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Antara selebriti yang menyertai Festival ini termasuklah Mawi, Rayme Zainal, Saharul Ridzwan, Adira Suhaimi, Asfnan Shah, Afzan, Shahz Jaszle dan Elly Ariffin.

Pengunjung turut berpeluang mengambil bahagian dalam cabutan bertuah yang menawarkan sebuah motosikal berharga RM10,000 apabila mereka berbelanja sebanyak RM100 dalam satu resit.



LRC@Taman Botani Tarikan Baharu Di Putrajaya

Taman Botani, Putrajaya kini tampil berwajah baharu dengan penambahan elemen Pusat Rekreasi Air (LRC) buat para pengunjung.

Menurut Pengarah Urusan LRC, Mohd Nor Arif Mohd Azmi, pembukaan aktiviti air di kawasan sekitar mampu memberi nafas baharu buat Taman Botani serta menarik lebih ramai pengunjung dari dalam mahupun luar negara.

Pusat Rekreasi Air dibuka kepada orang ramai bermula 5 Mei 2023 dan Majlis Prapelanaran telah diadakan pada 27 Mei 2023 di mana ia telah dihadiri oleh Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato"TPR. Fadlun bin Mak Ujud. Sejak dibuka, sambutan yang diterima sangat menggalakkan terutama pada cuti hujung minggu

Penambahbaikan LRC @ Taman Botani ini masih di peringkat fasa 1 iaitu bermula Mei sehingga Ogos 2023 hanya melibatkan aktiviti paddle boat

sahaja yang disediakan memandangkan kawasan yang dibenarkan juga agak terhad.

Untuk aktiviti paddle boat di LRC @ Taman Botani harga ditawarkan serendah RM15 untuk 30 minit pada hari biasa manakala hujung minggu dengan harga RM20 bagi 30 minit yang mana LRC @ Taman Botani ini membawa konsep Green Sustainable di mana tiada kenderaan bermotor bagi aktiviti air.

LRC @ Taman Botani Putrajaya ini adalah bagi memberi pilihan baru buat pengunjung di Putrajaya selain Taman Wetland, Pusat Rekreasi Air, Glamping@ Wetland, Taman Saujana dan lain-lain tempat yang menjadi lokasi tarikan pelancong. Kepelbagaian pilihan untuk pengunjung. LRC @ Taman Botani yang merupakan produk pelancongan baharu di mana selain menikmati keindahan taman, flora dan faunanya orang ramai juga boleh melakukan aktiviti lain.

Wetland Studios Putrajaya Kini Dibuka, Tawar Harga Promosi Sehingga September 2023



Wetland Studios yang berkonsepkan taman tema 'edutainment' menjadi pusat pameran interaktif bagi memberi pendedahan terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta spesies hidupan dari era pra-sejarah.

Lebih menarik, pusat tumpuan terbaharu di Putrajaya ini turut memberi penekanan terhadap usaha mempertingkatkan fungsi wetland air tawar sebagai salah satu sumber utama kehidupan untuk termasuk flora dan fauna.

Dikendalikan oleh KRU Studios yang mendapat kepercayaan Perbadanan Putrajaya (PPj), taman tema dalam bangunan ini menawarkan aneka pengisian yang turut membabitkan watak daripada animasi sebagai tarikan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif KRU Studios, Datuk Norman Abd. Halim berkata, sebelum memperincikan bahan pameran, pihaknya melaksanakan penyelidikan menyeluruh bagi memastikan taman tema tersebut menepati piawaian pengunjung. Selepas kontrak konsesi dimeterai selama lima tahun pada akhir tahun 2022, KRU Studios terus giat membuat penyelidikan dengan membesarkan skop pameran bukan sekadar membabitkan spesis flora dan fauna.

Selain haiwan prasejarah seperti dinosaur serta gajah yang boleh bergerak, orang utan antara hidupan yang diketengahkan. KRU Studios meletakkan Zan orang utan daripada filem animasi Kartun Studios sebagai maskot.

Pengunjung dapat menempuhi satu pengalaman unik dan berbeza jika dibandingkan dengan taman-taman tema sedia ada kerana taman berkonsepkan edutainment ini akan menyajikan pelbagai jenis informasi dan pengetahuan berkenaan sejarah bumi, peranan penting air serta ekosistem pelbagai hidupan seperti mamalia, reptilia, amfibia, ikan, serangga, pokok, bunga dan lain-lain.

Pengalaman Immersive Reality di Wetland Studios Putrajaya merangkumi aset fizikal seperti animatronik, replika dan hiasan berkonsepkan alam semula jadi; teknologi seperti hologram, Augmented Reality (AR) serta Virtual Reality (VR) dan juga kandungan digital yang menampilkan pelbagai watak animasi termasuk Zan Orangutan (filem animasi terbitan KRU dan Astro Shaw yang bakal menemui penonton pada tahun 2024) dan KiKaKo Kids yang kini di dalam proses penerbitan sebagai siri televisyen.

Bagi fasa pertama, 12 ruangan kini dibuka iaitu Insectopia, Dinosaur Encounter, Stegodon Big Break, Caventure, Jungle Jive, Sky Sanctuary, Flamingo Parade, Sky Dreams VR, Artopia, Aviary Archive, EduPlay Centre dan Migration in Motion.

Wetland Studios Putrajaya bakal dilancarkan secara rasminya bermula September 2023 dengan pembukaan kesemua 15 ruangan termasuk tarikan tambahan panorama, Lakes & Rivers dan Majestic Ocean.

Sepanjang tempoh prapelancaran ini, Wetland Studios Putrajaya menawarkan harga istimewa kepada para pengunjung. Buat warganegara Malaysia, RM25 bagi dewasa (13 hingga 64 tahun), RM15 bagi warga emas (65 tahun ke atas), RM15 bagi kanak-kanak (empat hingga 12 tahun), RM12 bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dan percuma bagi kanak-kanak di bawah umur tiga tahun.

Wetland Studios Putrajaya beroperasi dari pukul 10 pagi hingga 7 petang, setiap hari termasuk hujung minggu dan cuti umum.





Perdana Menteri Serah Kunci PPAM Madani Dalur

Kerajaan Perpaduan komited menyediakan perumahan mampu milik selesa kepada golongan berpendapatan rendah (B40), terutama bagi kategori kos sederhana rendah di Wilayah Persekutuan walaupun berdepan dengan cabaran nilai hartanah yang semakin tinggi.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pembangunan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) Madani juga selaras ke arah mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Dasar Perumahan Negara (2018-2025) di Wilayah Persekutuan yang menekankan keperluan pemilikan rumah berasaskan kepada keperluan dan kemampuan penduduk.

Turut hadir Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Zulkapli Mohamed; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan Pengarah Urusan TRC Land Sdn Bhd, Datuk Seri Sufri Mohd Zin.

PPAM Madani Dalur yang siap dibangunkan oleh Perbadanan Putrajaya menerusi pemaju TRC Land Sdn Bhd ini mempunyai sejumlah 500 unit kediaman dengan keluasan lantai adalah 1,000 dan 1,200 kaki persegi. Harga jualan

yang ditawarkan adalah tidak melebihi RM260,000 seunit iaitu lebih rendah daripada harga pasaran tidak termasuk kos nilai tanah di Putrajaya.

Di samping itu, penetapan syarat minimum 60 peratus daripada jumlah unit pembangunan ini diperuntukkan kepada kuota Bumiputera bagi mengatasi masalah pemilikan rumah dalam kalangan B40.

Pembangunan PPAM Madani Dalur ini turut merangkumi kemudahan seperti surau, sudut bacaan Al-Quran, dewan serbaguna, tadika, taska, ruang niaga, gelanggang badminton, taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta berbumbung bagi memastikan persekitaran hidup yang lebih kondusif dan berkualiti.

Sehingga kini, sebanyak 9,480 unit PPAM yang melibatkan satu tapak projek pembangunan di Presint 5, 6, 11, 16, 17 dan 18 telah siap dibina sepenuhnya di Putrajaya



Taman Rimba Alam Lokasi Menarik Buat Pencinta Alam



Putrajaya yang dibangunkan dengan berkonsepkan bandar dalam taman tidak terkecuali dalam mempunyai sebuah hutan tropika tersendiri. Taman Rimba Alam dengan jolokan 'Khazanah Alam Putrajaya' merupakan sebuah taman yang menghimpunkan pelbagai spesies pokok hutan di Malaysia.

Menurut Naib Presiden Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya (PPj), LAr. Abd Aziz Buang, pengunjung yang berkunjung ke Taman Rimba Alam dijanjikan dengan pengalaman berada di hutan hujan tropika atau lebih dikenali sebagai pokok hutan tanah pamah atau dipterokap.

Para pengunjung berpeluang mengenali lebih 400 spesies pokok hutan dengan jumlah pokok yang telah ditanam melebihi 95,000 batang pokok. Taman Rimba Alam berkonsepkan perhutanan bandar berperanan sebagai salah satu taman yang membantu Putrajaya dalam mengekalkan ekosistem dan biodiversiti dari segi flora dan faunanya seperti burung, mamalia dan reptilia.

Taman Rimba Alam mempunyai keluasan sebanyak 165 hektar serta terletak bersempadan dengan Taman Diplomatik dan pembangunan kediaman Presint 14 dan 15. Terdapat pelbagai pokok berkualiti tinggi atau spesies pokok-pokok hutan yang hampir pupus dipelihara di



Taman Rimba Alam untuk pengunjung melihat dengan lebih dekat lagi antaranya cengal, kempas, meranti merah, keruing, meranti tembaga dan meranti rambai daun.

Pelbagai aktiviti luar pendidikan botanikal dan rekreasi turut disediakan kepada pengunjung. Selain itu, Taman Rimba Alam turut menampilkan salah satu ekosistem alam semula jadi yang paling kompleks dan pelbagai. Ia sekali gus memberikan peluang yang tidak berkesudahan kepada peminat alam semula jadi untuk mendekatinya sambil menikmati keindahan hutan yang terletak di tengah-tengah bandar Putrajaya dan juga dirancang sebagai sebuah taman rekreasi metropolitan untuk bandar ini



Putrajaya Lake & Wetland Explorace Terokai Ekosistem Wetland

Putrajaya Lake and Wetland (PLW) Explorace yang merupakan Program Apresiasi Ekohidrologi Tasik dan Wetland Putrajaya anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) diadakan pada 21 Mei 2023.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland, Normaliza Noordin, program ini secara tidak langsung memberi ruang buat para peserta menimba pengalaman serta pengetahuan yang baharu. Melalui explorace ini, para peserta dapat menimba pengetahuan yang luas berkaitan ekosistem di Taman Wetland

PLW Explorace khususnya bagi kategori pelajar Institut Pengajian Tinggi mula diadakan pada tahun 2011 dan buat julung kalinya kategori remaja pelajar sekolah diperkenalkan pada tahun ini. Aktiviti adalah berbentuk ekspedisi secara berkumpulan yang terdiri daripada dua orang pelajar sekolah berumur antara 13 hingga 17 tahun.

Program ini adalah kesinambungan pelaksanaan aktiviti berteraskan pendidikan ekosistem dan alam sekitar untuk memberi pengetahuan serta kefahaman yang lebih mendalam kepada peserta khususnya remaja pelajar sekolah. Ia juga adalah sebagai satu kempen promosi untuk memperkembangkan potensi individu dengan memberi pendedahan dan pendekatan penghayatan sendiri dalam usaha menyempurnakan tugas.

PLW Explorace adalah di bawah Program Lokal Agenda (LA21) dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam UNESCO-IHP Malaysia.

Peserta program ini akan menjadi penanda aras menguji trek laluan serta modul-modul teknikal dan akan melalui perjalanan sejauh 6.5 kilometer. Mereka perlu menyiapkan lapan tugas termasuklah cabaran 'lake crossing' di Central Wetland serta cabaran 'fear factor'. Reka bentuk tugas yang disediakan turut memberi peluang kepada peserta untuk lebih mengenali spesies burung, ikan, tumbuhan,

serangga, meneliti kualiti air dan sebagainya

Penganjuran program pada kali ini turut mendapat kerjasama strategik daripada syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn Bhd (ASMA) dan Nestle Malaysia. Pemenang tempat pertama, penerima Anugerah Emas dengan gelaran Lake Warrior 2023 Kategori Remaja Sekolah bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM500 beserta sijil. Tempat kedua, Anugerah Perak dengan hadiah wang tunai RM300, sijil dan medal manakala tempat ketiga pula akan menerima Anugerah Gangsa beserta wang tunai RM200, sijil dan medal.

Hadiah wang tunai RM100 bagi pasukan terbaik lelaki, wanita dan campuran turut disediakan manakala hadiah cabutan bertuah berupa wang tunai serta barangan yang bernilai lebih RM1,000 juga ditawarkan kepada peserta terlibat.

Flag off pertandingan bermula jam 8 pagi, disempurnakan oleh Pengarah Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, merangkap Setiausaha Kehormat UNESCO-IHP Malaysia, Ir Azmi Ibrahim. Turut hadir Naib Presiden Perancangan Bandar, Shamsul Bahrin Rahmat, wakil-wakil agensi rakan strategik dan penaja. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud.



PPj Terima Kunjungan Hormat Datuk Bandar Davao City, Filipina



Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud menerima kunjungan hormat daripada Datuk Bandar Bandar Davao, Sebastian "Baste" Zimmerman Duterte.

Antara intipati lawatan tersebut adalah bagi berkongsi mengenai pembangunan Putrajaya serta pengaplikasian 'Internet of Things' (IoT) bagi meningkatkan pengurusan dan pengoperasian bandar dalam memperkasa kualiti kehidupan warganya.

Beliau bersama delegasi telah dibawa melawat ke Putrajaya Command Centre untuk melihat bagaimana Putrajaya ditadbir dan diurus menggunakan teknologi pintar. Antara perkara yang turut dibincangkan adalah potensi perhubungan dua hala antara Putrajaya dan bandar Davao.

Pada sebelah petang, delegasi dibawa menikmati pemandangan Putrajaya dengan menaiki Cruise Tasik Putrajaya dan lawatan diakhiri dengan bersiar-siar di sekitar bandar menaiki bas elektrik diikuti sesi bergambar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Hadir sama Konsulat Jeneral Malaysia di Davao City, Ahmadulkuddus Husain.



Program Terapi Alam Galak Gaya Hidup Sihat

Perbadanan Putrajaya (PPj) melalui Seksyen Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya akan mengadakan enam siri Program Terapi Alam @ Putrajaya bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat.

Program tersebut bermula pada 28 Mei 2023 dan kemasukan adalah percuma buat semua warga Putrajaya mahupun luar. Sila imbas Barcode untuk membuat pendaftaran bagi penyertaan program ini.

Setiap siri adalah terhad kepada 60 peserta sahaja bermula pukul 8 pagi sehingga 1 petang. Siri pertama bermula pada 28 Mei 2023 di Taman Saujana Hijau, Presint 11 diikuti 17 Jun 2023, 15 Julai 2023, 30 Julai 2023, 12 Ogos 2023 dan siri keenam iaitu terakhir akan diadakan pada 26 Ogos 2023 bertempat di Taman Cabaran, Presint 5.

Pelaksanaan Program Terapi Alam@Taman-Taman di Putrajaya ini mencapai 4 Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) iaitu SDG 3: Good Health and Well-Being, SDG 11: Sustainable Cities and Communities dan SDG 17: Partnership For The Goals.

Objektif utama program ini antaranya adalah bagi mewujudkan program

yang selaras dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Selain itu, ia bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat bagi mengurangkan tekanan komuniti Putrajaya selaras dengan hasrat untuk membentuk Putrajaya ke arah Bandar Mampan dan Komuniti Lestari; Meningkatkan Indeks Kebahagiaan (Happiness Index) komuniti Putrajaya dan meningkatkan peratusan kepuasan penduduk terhadap perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana ianya diambil kira dalam Penarafan Bintang (Star Rating) PBT dalam Kategori Bandaraya.

Objektif lain adalah untuk memperkenalkan dan mempromosi taman-taman di Putrajaya dengan mengadakan pelbagai program yang selaras dengan aktiviti taman serta memberi pendedahan pendidikan dan pengetahuan berhubung flora dan fauna yang terdapat di Taman-Taman Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh hubungi Seksyen LA21 Putrajaya atau hubungi di talian 013- 380 9308/ 03-8887 7293 (Naseer) atau 03- 8887 7458 (Ima).

PPj Anjur Putrajaya Travel Fair 2023 Di Angsana Johor Bahru



Perbadanan Putrajaya (PPj) mempromosi produk pelancongan Putrajaya dengan menganjurkan Putrajaya Travel Fair (PTF) 2023 bertempat di Angsana Johor Bahru Mall.

Acara dengan jalinan kerjasama Tourism Malaysia serta rakan-rakan strategik produk pelancongan Putrajaya pada 9 hingga 11 Jun 2023 itu telah dirasmikan oleh Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud pada 10 Jun.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPj, TPr Norzita Abdul Razak, misi jelajah promosi Indahnya Putrajaya Mempesona tersebut adalah salah satu inisiatif Pelan Tindakan Blueprint Pelancongan Putrajaya 2032 untuk menjadikan Putrajaya sebagai destinasi antarabangsa dan domestik mesti lawat (a must visit destination). Misi dimulakan untuk memantapkan pasaran domestik selaras dengan sokongan Tourism Malaysia dalam promosi Cuti-Cuti Malaysia.

Program PTF2023 dimulai dengan sesi jaringan perniagaan yang memasarkan pakej-pakej pelancongan Putrajaya kepada lebih kurang 50 ejen serta syarikat pelancongan dari Johor Bahru, Singapura dan Batam yang hadir dalam sesi Business To Business (B2B) pada 8 Jun. Misi diteruskan dengan sesi Business To Consumer (B2C) iaitu pameran produk pelancongan PTF2023 yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall pada 9 hingga 11 Jun 2023. Antara aktiviti menarik di dalam B2C adalah pembentangan oleh pemilik produk, kuiz mengenai

pelancongan, persembahan kebudayaan dan banyak lagi.

PTF2023 turut dimeriahkan dengan 13 reruai pameran pelancongan yang terdiri daripada Taman Tema Edu-Pelancongan terbaharu iaitu Wetland Studios Putrajaya, GL@W Putrajaya, Putrajaya Lake Recreation Centre, Taman Ekuestrian Putrajaya, Taman Warisan Pertanian, Cruise Tasik Putrajaya, Taman Botani Putrajaya, Galeri Putrajaya Story, Hotel Pulse Grande, Hotel The Everly dan produk-produk di bawah PutraKop.

Putrajaya Community Based Tourism yang merangkumi produk-produk komuniti Putrajaya seperti jualan madu kelulut, gorengan bayam brazil crispy dan jem rock melon serta reruai info tentang tarikan dan produk taman-taman awam Putrajaya turut diketengahkan.

Antara promosi yang boleh direbut semasa PTF2023 adalah tawaran potongan harga tiket Cruise Tasik Putrajaya sehingga 40 peratus, baucar aktiviti di GL@W Putrajaya yang bernilai RM100, tiket masuk ke Putrajaya Story serendah RM5, peluang untuk memenangi hadiah menarik beg kuiz pelancongan dan cenderamata yang istimewa daripada PPj serta pelbagai produk pelancongan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari media sosial PPj di Facebook @Perbadanan Putrajaya, Twitter @putrajayacorp, Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang di www.ppj.gov.my.



Precint Rangers Perantara PBT Dan Komuniti Setempat



Precint Rangers dibahagikan kepada tiga zon iaitu Zon A bagi ahli yang menetap di Presint 5, 6, 8 dan 9 dengan dianggotai oleh seramai 122 orang ahli, Zon B bagi ahli yang menetap di Presint 10, 11, 12 dan 14 dengan jumlah ahli seramai 164 orang dan Zon C iaitu ahli yang menetap di Presint 15, 16, 17 dan 18 dengan bilangan seramai 205 ahli.

Sebagai usaha menghargai sumbangan, komitmen dan kerjasama yang diberikan ahli Precint Rangers, pihak PPj mengadakan Majlis Penghargaan Ahli Paling Aktif Precint Rangers bagi bulan Januari hingga Mei 2023 bertempat di Grand Garden Pavillion, Hotel Pulse Grande Putrajaya pada 27 Jun 2023.

Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil tindakan proaktif dengan mewujudkan ahli Precint Rangers yang berperanan untuk memastikan kawasan kejiranan di Putrajaya sentiasa selamat dan selesa untuk didiami bagi mengutamakan hak dan kepentingan warganya.

Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPj, TPr Norzita Abdul Razak berkata, Precint Rangers diwujudkan bertujuan untuk membina jaringan komunikasi yang baik di antara warga PPj dan orang awam melalui sikap keprihatinan yang dipupuk dengan pemantauan kawasan kediaman. Melalui cara ini, masyarakat akan berasa didengari dan isu serta permasalahan dapat diselesaikan dengan cepat sebelum mereka membuat aduan rasmi.

Saluran aduan proaktif Precint Rangers menggunakan sepenuhnya medium aplikasi WhatsApp dalam menyalurkan maklumat antara ahli, urus setia aduan dan penyelia serta penyiasat Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) bagi memastikan komunikasi lebih mudah dan pantas.

Precint Rangers bertindak sebagai mata-mata kepada PPj bagi membantu pemantauan kerosakan atau apa sahaja yang boleh memudaratkan kepentingan awam sebelum keadaan menjadi lebih serius. Sepanjang Januari hingga Mei 2023, sebanyak 833 isu serta permasalahan telah diterima dan sebanyak 505 aduan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh tiga hari.

